# JAWAPAN

## SINONIM DAN ANTONIM

| Bil. | Sinonim | Antonim |
|---|---|---|
| 1 | girang | muram |
| 2 | kebolehan | |
| 3 | menonjol | |
| 4 | berhimpun | berpecah |
| 5 | sungguh-sungguh | main-main |
| 6 | merapatkan | merenggangkan |
| 7 | beruntung | malang |
| 8 | tradisi | |
| 9 | bertolak ansur | pentingkan diri |
| 10 | meningkatkan | mengurangkan |
| 11 | luar biasa | |
| 12 | berakhir | bermula |
| 13 | memejamkan | mencelikkan |
| 14 | pertalian | |
| 15 | faedah | kelemahan |
| 16 | sangsi | yakin |
| 17 | pentas | |
| 18 | seimbang | goyang |
| 19 | bencana | |
| 20 | bangkit | baring |
| 21 | berzat | |
| 22 | menjaga | membiarkan |
| 23 | terlepas | |
| 24 | implikasi | |
| 25 | melebihi | |
| 26 | kemuraman | keriangan |
| 27 | senyap | bising |
| 28 | tertekan | |
| 29 | lenyap | muncul |
| 30 | kalah | menang |
| 31 | memelihara | membiarkan |
| 32 | terbabit | |
| 33 | cergas | pasif |
| 34 | berharap | putus asa |
| 35 | rumit | tenang |
| 36 | tidak bermaya | bermaya |
| 37 | hampa | |
| 38 | gembira | berduka |
| 39 | datang | |
| 40 | lapang | sesak |
| 41 | pengikhtirafan | |
| 42 | memberi tumpuan | leka |
| 43 | pertolongan | |
| 44 | kawasan halaman | |
| 45 | membawa | |
| 46 | berwaspada | cuai |
| 47 | kini | dahulu |
| 48 | sedikit | berlebihan |
| 49 | daya usaha | |
| 50 | pembimbing | menti |
| 51 | | mentor |
| 52 | bersepakat | |
| 53 | mencapai | |
| 54 | banyak | sedikit |
| 55 | peluh | |
| 56 | buah fikiran | |
| 57 | | kedekut |
| 58 | usul | |
| 59 | mengalihkan | menetapkan |
| 60 | sokongan | |
| 61 | ada | berubah |
| 62 | tenteram | runsing |
| 63 | membinasakan | membaikkan |
| 64 | menghimpunkan | mengasingkan |
| 65 | kaya | miskin |
| 66 | kesan | |
| 67 | benar | negatif |
| 68 | | membusukkan |
| 69 | maju | mundur |
| 70 | menyepak | |
| 71 | mengizikan | menghalang |
| 72 | memerhati | menghiraukan |
| 73 | dukacita | sukacita |
| 74 | hati-hati | gopoh |
| 75 | didahulukan | dikemudiankan |
| 76 | tiba | pergi |
| 77 | | luar |
| 78 | tidak lalai | lalai |
| 79 | maklumat | |
| 80 | bencana | selamat |
| 81 | menderita | bahagia |
| 82 | waspada | cuai |
| 83 | | masuk |

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| | | |
|---|---|---|
| 84 | waktu lapang | waktu sibuk |
| 85 | selidik | teliti |
| 86 | kebenaran | halang |
| 87 | mencari | |
| 88 | mengajar | |
| 89 | logik | karut |
| 90 | sebab | |
| 91 | | terlepas |
| 92 | kasar | licin |
| 93 | sudut | |
| 94 | cantik | buruk |
| 95 | tetap | goyang |
| 96 | untung | malang |
| 97 | mengasah | |
| 98 | berdebar-debar | tenang |
| 99 | pergaduhan | berbaik-baik |
| 100 | berterima kasih | |
| 101 | matlamat | |
| 102 | dihidang | |
| 103 | bermula | |
| 104 | terang | keruh |
| 105 | takut | bertenang |
| 106 | gelisah | tenang |
| 107 | bangsa | |
| 108 | aman | kacau-bilau |
| 109 | melihat-lihat | |
| 110 | berhasil | gagal |
| 111 | bertemu | |
| 112 | tidak sedar | ingat |
| 113 | diusahakan | |
| 114 | cinta akan negara | |
| 115 | menarik hati | |
| 116 | pesta | |
| 117 | terpesona | |
| 118 | mengembara | menetap |
| 119 | menaikan | |
| 120 | maju | |
| 121 | cepat | lembap |
| 122 | | tanggal |
| 123 | bangunan | |
| 124 | menjaja | membeli |
| 125 | | tua |
| 126 | perselisihan | |
| 127 | terpacak | tersasar |
| 128 | tentangan | |
| 129 | meneliti | |

| | | |
|---|---|---|
| 130 | | menjual |
| 131 | memberikan | melepaskan |
| 132 | mengaduk | |
| 133 | moden | kuno |
| 134 | tindak balas | |
| 135 | dibuat | |
| 136 | memegang | melucut |
| 137 | menghalau | menjemput |
| 138 | sedap | |
| 139 | mulia | |
| 140 | kuat | perlahan |
| 141 | corak | |
| 142 | masuk | |
| 143 | hebat | |
| 144 | johan | tercorot |
| 145 | majlis perbincangan | |
| 146 | keindahan | |
| 147 | akal fikiran | |
| 148 | perasaan belas kasihan | kejam |
| 149 | dipersembahkan | |
| 150 | membaik pulih | |
| 151 | terkejut | |
| 152 | menjalankan | |
| 153 | disimpan | dikeluarkan |
| 154 | tunjuk cara | |
| 155 | puncak | |
| 156 | bernilai | |
| 157 | mengeraskan | |
| 158 | mengusir | memanggil |
| 159 | habis waktu | sempat |
| 160 | sedap | |
| 161 | menenangkan | memanaskan |
| 162 | tertahan | |
| 163 | pondok kecil | banglo |
| 164 | kelebihan | kekurangan |
| 165 | | lembik |
| 166 | cergas | lesu |
| 167 | terbuka | terlindung |
| 168 | hapus | |
| 169 | bermalam | |
| 170 | pemandangan | |
| 171 | menimba | |
| 172 | berborak | |
| 173 | mengambil | menolak |
| 174 | suka | benci |
| 175 | kebijaksanaan | kebodohan |
| 176 | bersepah | kemas |


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

| | | |
|---|---|---|
| 177 | riwayat | |
| 178 | luar biasa | |
| 179 | terbuka | tertutup |
| 180 | ilham | |
| 181 | terbuka | terpejam |
| 182 | suntuk | lama |
| 183 | tujuan | |
| 184 | menghidupkan | mematikan |
| 185 | kurniaan | |
| 186 | kesungguhan | |
| 187 | dialami | |
| 188 | kuat | lemah |
| 189 | mula-mula | hujung |
| 190 | tumbuh | terbantut |
| 191 | | hidup |
| 192 | asas | |
| 193 | baik | sakit |
| 194 | bantuan | |
| 195 | berkualiti | |
| 196 | | rendah |
| 197 | keluaran | |
| 198 | tempat tinggal | |
| 199 | | hari ini |
| 200 | berfokus | |
| 201 | menghirup | menyembur |
| 202 | hadir | pergi |
| 203 | meluas | |
| 204 | masyhur | |
| 205 | kedudukan | |
| 206 | pakaian | |
| 207 | melakukan | |
| 208 | lawa | hodoh |
| 209 | terlihat | |
| 210 | mencekalkan | menakutkan |
| 211 | bekas | |
| 212 | | minuman |
| 213 | berpakat | |
| 214 | menyampaikan | memulangkan |
| 215 | melihat | |
| 216 | cagaran | |
| 217 | hadiah | |
| 218 | | digagalkan |
| 219 | | lambat |
| 220 | pintar | bodoh |
| 221 | beku | panas |
| 222 | peringatan | |

# TEMA 1 ISTIMEWANYA KELUARGAKU

## UNIT 1 BAKAT ISTIMEWA

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**

1 (i) pensel warna
(ii) kertas lukisan

2 (i) kreatif
(ii) pembersih
(iii) menghargai masa

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**
**Perkataan Berimbuhan**

| Awalan | Akhiran | Apitan |
|---|---|---|
| – periang | – sokongan | – menggembirakan |
| – mengenal | – kurniaan | – menghadapi |
| – berbentuk | – tujuan | – mempunyai |
| – pemenang | – lukisan | – perhiasan |
| – dipilih | | – kejayaan |

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

**1** Dia **2** mereka **3** Kamu **4** Beliau **5** Kalian

**Praktis 2**
cucuk, sepasang, sebentuk, sebuah

**Praktis 3**
**1** BETUL
**2** BETUL

**Kemahiran Menulis**

Tiga hari lagi Nurul Atifah akan **berangkat** ke Korea. Dia **berasa** sangat gembira dan bersyukur kerana dapat **melanjutkan** pelajarannya ke luar negara. Namun begitu, hatinya agak **keberatan** untuk **berjauhan** dengan keluarganya di tanah air. Ibu dan ayahnya **menasihati** Nurul Atifah supaya belajar dengan bersungguh-sungguh demi **mencapai** cita-citanya untuk **menjadi** seorang doktor. **Menurut** ibu, Nurul Atifah boleh selalu **mengirim** surat untuk keluarganya di sini. Ibu dan ayah juga **berjanji** akan menelefon Nurul Atifah untuk bertanya khabar. Nurul Atifah kembali ceria dan bersemangat setelah **mendengar** kata-kata nasihat daripada ibunya.

## UNIT 2 SATU KELUARGA DUA BUDAYA

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**

**1** Antara aktiviti yang dilakukan oleh penulis adalah memancing ikan, menyaksikan majlis perkahwinan berbangsa cina, berkelah di kawasan air terjun dan melawat kebun buah-buahan.

**2** (i) ✓
(ii) ✓
(iii) ✗

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

| | | |
|---|---|---|
| **1** puntung | **2** genggam | **3** baris |
| **4** papan | **5** laras | **6** kaki |
| **7** orang | **8** hiris | **9** ikat |
| **10** jambangan | | |

**Praktis 2**

1 tandan 2 pasang 3 buah 4 ekor 5 pasang

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**

*Saudari Shahmina,*

*Saya amat tertarik akan keunikan adat resam kaum saudari seperti yang saya saksikan sepanjang saya berada dalam majlis perkahwinan abang saudari. Pelamin untuk pengantin bersanding dihias dengan indah. Semasa adat bersanding diadakan, adat menepung tawar turut dilakukan. Seterusnya, pengantin dijamu dalam majlis makan beradab. Pasangan pengantin kemudiannya bersalaman dengan ibu bapa dan sanak saudara serta hadirin yang datang. Para tetamu diberikan bunga telur sebelum pulang.*

*Sahabatmu,*
*Kloe Edryanne*

## UNIT 3 JAUH DI MATA DEKAT DI HATI

**Kemahiran Mendengar dan Bertutur**
**Praktis 1**

1 Perempuan yang bersama ibu saya di dalam gambar ini ialah sepupu saya.
2 Perbezaan umur antara saya dengan sepupu saya ialah dua tahun.
3 Sekarang sepupu saya sedang berada di Seoul bersama keluarganya.
4 Keadaan sepupu saya sihat sahaja. Sekarang di sana sedang melalui musim bunga yang cantik.

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**

1 Tempat-tempat menarik di Vietnam yang dilawati oleh Aiman dan keluarganya ialah Ben Thanh Merket. My Tho, Sungai Mekong dan Terowong Cu chi.
2 ✗, ✓
3 Pada pendapat saya, kebaikan-kebaikan melawat ke tempat-tempat yang menarik ialah kita dapat menambah pengalaman serta pengetahuan dan meluaskan pemandangan.

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

- Khamis
- Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
- MH 66
- Imran Harith
- Ireland
- Julai
- Restorant Nusantara
- Malaysia
- Liverpool
- Adidas
- Samsung
- Bonia




**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**

1 Husna dan keluarganya berada di balai ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur untuk menyambut ketibaan kakaknya.
2 Kakak tersenyum gembira sambil menolak troli beg dan barang-barangnya.
3 Kami sekeluarga makan bersama-sama di sebuah restoran terkenal di Kuala Lumpur.
4 Kakak makan makanan kegemarannya dengan berselera sekali.
5 Husna sangat gembira menerima buah tangan daripada kakaknya

# TEMA 2 KESIHATAN MENTAL DAN EMOSI

## UNIT 4 MINDA, OH, MINDA!

**Kemahiran Mendengar dan Bertutur**
**Praktis 1**

1 Cikgu hendak berjumpa dengan kamu berdua di bilik guru pada pukul 1.00 petang nanti
2 Cikgu Siti Ranieyah meminta kamu berdua mengemas dewan dan menampal poster.
3 Cikgu meminta kamu berdua datang ke pejabat berjumpa dengan Cikgu Surina untuk menguruskan atur cara majlis.

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**

1 Maksud anugerah dalam syair di atas ialah kurnia.
2 Aktiviti yang disarankan dalam syair supaya kita sihat selalu ialah bersukan dan beriadah.
3 ✗, ✓
4 Kesihatan mental dan emosi haruslah kita jaga bagi mengelakkan tekanan. Keadaan di rumah atau di sekolah mestilah sentiasa selamat dan selesa supaya kita dapat belajar dengan tenang. Amalan beriadah dan bersukan juga perlu diutamakan supaya perasaan kita sentiasa tenang. Berkongsi masalah dengan orang lain adalah jalan penyelesaian terbaik supaya kita terhindar daripada tekanan.

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

1 nya 2 tuanku, patik
3 mereka 4 saya
5 dia 6 Kami
7 Beliau

**Praktis 2**

1 Siapakah 2 begitu
3 itu 4 apa-apa
5 Siapa-siapa


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**
**Pendahuluan :**
kesihatan mental dan emosi adalah penting – kita hendaklah menjaga kesihatan mental dan emosi kita

**Isi-isi penting :**
1 amalkan cara hidup yang sihat – bersukan dan beriadah
2 makan makanan – yang seimbang – badan kita mendapat zat yang mencukupi seterusnya menjauhkan kita dari penyakit
3 tidur awal – mendapat rehat yang mencukupi – mengelakkan kita daripada stres
4 sentiasa berfikiran positif – mempengaruhi minda dan emosi kita

**Penutup :**
banyak perkara yang boleh kita lakukan – menjaga kesihatan mental dan emosi

## UNIT 5 USAHLAH STRES

**Kemahiran Mendengar dan Bertutur**
**Praktis 1**
1 ✗ 2 ✓ 3 ✗ 4 ✓ 5 ✓
6 ✗

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**
1 Nurul Lydia berasa tertekan kerana sering dibandingkan dengan kakak dan abangnya.
2 Maksud simpulan bahasa naik angin ialah berasa marah.
3 Cadangan guru bimbingan kepada Nurul Lydia untuk mengatasi masalah yang dihadapi olehnya ialah dia perlu belajar secara konsisten, selalu beriadah dan bersenam serta sentiasa berfikiran positif.

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**
1 Kerja yang diberi oleh Cikgu Rabaah telah setengah jam yang lalu disiapkan oleh Ivy.
2 Semasa warga emas itu hendak melintasi jalan raya, dia dilanggar motosikal.
3 Jiwa yang murni ialah gambaran perlakuan yang mulia.
4 Kata Encik Ali, "Tahniah, Taufiq kerana telah dinaikkan pangkat dan selamat maju jaya."

**Praktis 2**
1 B 2 A

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**
Antara cara mengatasi stres ialah dengan bangun awal setiap hari. Apabila kita bangun awal untuk ke sekolah kita tidak akan terburu-buru atau tergopoh-gapah untuk bersiap dan menguruskan diri.

Selain itu, kita perlu belajar dan tidur di dalam bilik yang selesa dan kemas. Bilik yang berselerak akan menyebabkan kita merasa tertekan dan tidak selesa untuk belajar. Kita juga tidak mendapat tidur yang cukup dan berkualiti. Di samping itu, kita boleh mengelakkan stres dengan membuat persediaan awal untuk menghadapi peperiksaan.

Kita juga boleh mengatasi stres dengan berkongsi masalah yang dihadapi kepada ibu bapa kita. Jika kita memendamkan masalah yang dihadapi, lama-kelamaan ia akan menyebabkan kita merasa tertekan atau stres.

Kesimpulannya, kita perlu mengatasi stres yang dihadapi dengan cara yang betul agar tidak memudaratkan kesihatan kita.

## UNIT 6 TERIMA KASIH, CIKGU

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**
1 D 2 A 3 D

**Praktis 2**
Tanggal 16 Mei merupakan Hari Guru. Sekolah saya telah mengadakan majlis sambutan Hari Guru di dewan sekolah. Sambutan ini bertujuan untuk menghargai jasa dan pengorbanan guru dalam usaha membentuk generasi yang berwibawa.

Tepat pada pukul 7.30 pagi, guru-guru dan murid-murid telah berhimpun di dalam dewan. Semua warga sekolah berdiri tegak untuk menyanyikan lagu "Negaraku", lagu negeri dan lagu sekolah. Selepas itu, Guru Besar menyampaikan ucapan di atas pentas. Beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada para guru atas sumbangan dan pengorbanan mereka dalam bidang pendidikan.

Seterusnya, murid-murid mengadakan persembahan di atas pentas. Antara persembahan yang dipersembahkan ialah tarian, nyanyian, lawak jenaka, pancaragam, drama pendek dan bicara berirama. Persembahan-persembahan yang menarik telah menghiburkan hati para penonton.

Kemudian, pengerusi majlis mempersilakan Guru Besar untuk menyampaikan cenderahati dan sijil penghargaan kepada guru-guru yang telah lama berkhidmat di sekolah kami. Cikgu Dayang Aliza telah dipilih sebagai Tokoh Guru pada tahun ini. Semua warga dewan memberikan tepukan yang gemuruh kepada beliau.

Selepas acara penyampaian hadiah, semua guru dijemput ke kantin untuk jamuan ringan. Kami turut mengambil kesempatan ini untuk memberikan hadiah berupa bunga, kad ucapan dan bekas tangan kepada guru-guru yang disayangi sebagai tanda penghargaan. Kami juga merakam gambar dengan guru-guru untuk dijadikan kenangan.

Majlis sambutan Hari Guru berakhir pada pukul 12.30 tengah hari. Kami pun pulang ke rumah dengan perasaan gembira.

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**
1 kepada
2 kerana
3 daripada
4 untuk

**Praktis 2**
1 mengharumkan 2 mengingat
3 menyarankan 4 menerima
5 mendapat

**Praktis 3**
1 SALAH
2 BETUL
3 SALAH
4 BETUL
5 SALAH

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**
1 Punca yang menyebabkan Iqbal sering mengantuk di dalam bilik darjah ialah dia tidak cukup tidur.
2 Tiga tips yang disarankan oleh Cikgu Samsiah kepada Iqbal ialah yakin kepada diri sendiri, berkongsi masalah dan berfikiran positif.
3 Sebagai kawan, saya boleh membantu Iqbal dengan cara mengajak Iqbal keluar bersenam atau beriadah bersama-sama.
4 Pada pendapat saya, kita digalakkan agar bercakap dengan menggunakan tutur kata yang baik-baik supaya orang berasa senang dan hormat kepada kita.

©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

## TEMA 3 KOMUNITI PRIHATIN

### UNIT 7 PROGRAM SARANA

**Kemahiran Membaca**

**Praktis 1**

1 Program yang diadakan pada hari Ahad itu ialah gotong-royong perdana.
2 Sekolah selamat bermaksud sekolah yang bersih, ceria dan selesa.
3 Selain sekolah menjadi bersih dan ceria, faedah lain yang dapat diperoleh daripada program gotong-royong tersebut adalah dapat mengeratkan hubungan antara ibu bapa dan guru.
4 (a) rahmat
(b) akal fikiran
(c) menjawab

**Praktis 2**

1 (a) melukis mural
(b) menanam pokok bunga
2 Bagai aur dengan tebing

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

1 sangat 2 sekali 3 sekali 4 sungguh

**Praktis 2**

1 pipih 2 laris 3 gentar 4 luntur
5 bengis 6 lengang

**Praktis 3**

1 C 2 C

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**

Program bermula seawal 7.30 pagi dengan sesi pendaftaran ibu bapa. Seterusnya ibu bapa akan mendengar taklimat daripada guru besar tentang pencapaian keseluruhan akademik dan kokurikulum sekolah yang telah berlangsung.

Selepas sesi mendengar taklimat, ibu bapa akan ke kelas anak masing-masing untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan dan laporan perkembangan pelajaran anak mereka. Mereka akan berbincang bersama guru kelas mengenai prestasi akademik, masalah disiplin dan hal yang berkaitan dengan anak-anak mereka.

Pada pukul 11.00 pagi, aktiviti menghias dan membersihkan kelas bersama ibu bapa diadakan. Para ibu bapa bekerjasama menghias dan membersihkan kelas anak masing-masing supaya anak mereka dapat belajar dengan lebih selesa.

Sebelum acara tamat, sesi bergambar dan jamuan ringan diadakan oleh pihak sekolah. Program ini berlangsung dengan meriah dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Semoga pihak sekolah dan PIBG akan mengadakan program sebegini lagi pada tahun hadapan.

Laporan disediakan oleh, 12 APRIL 2021
*Alli*
( ALLI B AHMAD)
Setiausaha PIBG
Sekolah Kebangsaan Matang, Kuching

### UNIT 8 KELAB ALUMNI

**Kemahiran Membaca**

**Praktis 1**

1 D 2 C 3 A

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

1 C 2 C 3 D 4 C

**Praktis 2**

1 B 2 D 3 D 4 B

**Praktis 3**

1 C 2 B

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**




### UNIT 9 PERKONGSIAN PINTAR

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**




**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

1 ✓ 2 ✗ 3 ✗ 4 ✓ 5 ✓

**Praktis 2**

1 C 2 A 3 B 4 A 5 B

**Praktis 3**

1 salah
2 salah
3 betul

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**

Sekolah Kebangsaan Semerah Padi telah mengadakan Karnival Jalinan Kasih yang melibatkan pelbagai agensi.

Pada hari Isnin, kempen menabung untuk masa depan diadakan oleh Bank Maju Jaya yang bertujuan untuk menggalakkan sikap menabung dalam kalangan murid-murid sekolah. Pada hari Selasa pula, Klinik Kesihatan Petra Jaya menganjurkan pemeriksaan kesihatan untuk memastikan murid-murid menjaga kesihatan


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

masing-masing. Seterusnya, panduan mencegah kebakaran yang diadakan oleh Balai Bomba Samalajau adalah pada hari Rabu. Pada hari Khamis pula sekolah bekerjasama dengan Universiti Malaysia Sarawak telah menganjurkan program bimbingan dan motivasi. Program pencegahan jenayah pula diadakan pada hari Jumaat oleh Balai Polis Gita.

Kesimpulannya, karnival ini memberi manfaat dan pengetahuan kepada murid-murid dan warga sekolah.

# TEMA 4 KESELAMATAN DIUTAMAKAN

## UNIT 10 SELAMAT DALAM PERJALANAN

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**

1 Menaiki bas berhati-hati, Itulah langkah untuk selamat.
2 Ke mana pergi dalam kumpulan, Patuhi semua arahan lawatan.

**Praktis 2**

1 Zahirah dan rakan-rakannya sangat gembira pada pagi itu kerana mereka akan mengikuti lawatan sambil belajar ke Zoo Negara
2 meluangkan masa
3 ✓, ✓, ✗
4 Peserta rombongan mengisi masa mereka semasa dalam perjalanan ke Zoo Negara dengan menyaksikan tayangan dokumentari tentang tempat-tempat menarik di Kuala Lumpur.

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

1 Wah
"Nah, ini jadual atur cara Program Keselamatan Jalan Raya itu!" kata Shafa kepada Amirul.
2 ke
Murid-murid tahun enam mendengar ceramah tentang keselamatan diri di dewan sekolah.
3 belakang
Sharifah Damia dan adiknya berjalan di tepi pantai sambil menghirup udara segar.
4 nian
Pendaki tempatan yang berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu sangat kecil jumlahnya.
5 Cis
"Wah, istimewanya bas ini, ada tali pinggang keledar!" kata Khaldina kepada Siti Aqwa.
6 paling
Zakwan sangat seronok kerana dapat mengikut abangnya mendaki bukit.
7 kepada
Ada sesetengah murid yang tidak prihatin terhadap keselamatan diri mereka.
8 dari
Sebagai kanak-kanak, kita perlu mengelakkan diri daripada berjalan seorang diri
9 ialah
Pameran Keselamatan Jalan Raya itu diadakan adalah untuk memupuk kesedaran dalam kalangan murid sekolah.
10 Jemput
"Sila berbaris dengan tertib sebelum kalian memasuki muzium ini," kata Cikgu Samsiah kepada peserta rombongan.

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**

Kemalangan jalan raya yang melibatkan penunggang motosikal semakin meningkat. Bagi mengatasi masalah ini, penunggang motosikal perlu mengambil langkah-langkah keselamatan.

Penunggang motosikal wajib menggunakan topi keledar yang diluluskan oleh SIRIM dan kancingkan dagu dengan ketat bagi mendapat perlindungan yang maksimum. Topi keledar yang tidak mendapat kelulusan tidak selamat dan mudah pecah sekali gus tidak dapat melindungi kepala penunggang motosikal.

Selain itu, penunggang motosikal juga perlu memastikan motosikal sentiasa dalam keadaan baik. Penunggang motosikal harus membuat pemeriksaan tayar, brek dan lampu isyarat sebelum memulakan perjalanan.

Seterusnya, penunggang motosikal perlu menggunakan lorong khas bagi laluan motosikal. Penunggang motosikal perlu berhati-hati jika hendak menukar lorong kerana amat membahayakan. Berikan isyarat dan patuhi semua peraturan keselamatan semasa hendak menukar lorong. Lihat keadaan di belakang melalui cermin sisi sebelum menukar lorong.

Semasa menunggang di atas jalan raya kita perlu malah wajib patuhi had laju yang telah ditetapkan. Had laju itu adalah tahap kelajuan maksima yang selamat bagi jalan tersebut. Kita perlu perlahankan motosikal sekiranya hujan kerana jalan basah dan licin. Kita perlu jarakkan motosikal kita dengan kenderaan lain hadapan.

Penunggang motosikal perlu biasakan diri mengamalkan langkah-langkah keselamatan di persimpangan jalan. Justeru, jadilah penunggang yang berhemat demi keselamatan diri kita sendiri dan orang lain.

## UNIT 11 PASTIKAN SELAMAT

**Kemahiran Mendengar dan Bertutur**
**Praktis 1**

1 Baiklah ayah, saya tidak akan berlari-lari di pasar raya supaya tidak tergelincir dan tercedera.
2 Baiklah Mak Cik Fera. Saya akan meletakkan troli di tempat yang disediakan.
3 Sofi Sofea, kamu harus sentiasa berhati-hati ketika menaiki lif.
4 Baiklah ibu. Saya akan memegang tangan ibu semasa menaiki eskalator.
5 Baiklah ayah. Apabila sampai di pasar, kakak akan memastikan kereta dikunci sebelum ke pasar.
6 Khamal, berhati-hati semasa berjalan di kawasan berbecak itu.

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**

1 Taman riadah itu menjadi tumpuan pengunjung kerana ramai orang yang ingin merehatkan minda di sana.
2 Aktiviti yang boleh dilakukan di taman riadah itu ialah berjoging, bersiar-siar, berbasikal dan berkelah.
3 Pada pendapat saya, tujuan laluan bagi pejalan kaki dan penunggang basikal dibezakan untuk menjaga keselamatan pengunjung dan mengelakkan kemalangan daripada berlaku.

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**

Keselamatan semasa melakukan aktiviti di padang perlu diberi perhatian oleh warga sekolah.

Antara keselamatan semasa di padang yang mesti dipatuhi ialah memakai pakaian yang sesuai supaya kita selesa semasa bersukan. Selain itu, kita perlu mematuhi arahan guru untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku. Seterusnya, kita haruslah mematuhi peraturan permainan kerana kita perlu mengelakkan diri daripada memegang, menolak atau menerjah pihak pemain lawan ketika bermain. Di samping itu, pemakaian alatan yang sesuai perlu diutamakan agar tidak berlaku kecederaan ketika melakukan aktiviti permainan.

Tuntasnya, kemalangan boleh berlaku di mana-mana sahaja termasuk di sekolah. Jadi, sentiasalah berwaspada untuk menjaga keselamatan diri.

## UNIT 12 FIKIR SEBELUM KLIK

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**

2 Mengesahkan kata laluan → 3 Memberikan butir-butir diri → 4 Pembayaran melalui akaun bank yang disediakan → 5 Menerima pengesahan pembayaran dan membuat penghantaran → 6 Barang diterima dalam masa lima hari bekerja

**Praktis 2**

1 B 2 D 3 A 4 C

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

1 BETUL 2 SALAH
3 SALAH 4 BETUL
5 BETUL

**Praktis 2**

1 D 2 A 3 B 4 D 5 A

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**

1 Maksud perkataan transaksi ialah pemindahan.
2 Kita perlu mengklik butang menutup akaun dan keluar daripada laman sesawang berkaitan supaya akaun kita tidak terdedah kepada pengguna lain.
3 Pada pendapat saya, kelebihan melakukan transaksi wang secara dalam talian ialah pengguna boleh berada di mana-mana sahaja asalkan mempunyai talian Internet.

# TEMA 5 PUPUK PERPADUAN

## UNIT 13 FORMULA PERPADUAN

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**

1 A 2 A 3 C

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

1 D 2 A 3 B 4 D 5 D

**Praktis 2**

1 bising
2 kemarau
3 pendek

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**

Terdapat beberapa langkah yang boleh dilakukan untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Antaranya adalah dengan menerapkan nilai perpaduan sejak kecil iaitu menjadikan ibu bapa sebagai contoh. Ibu bapa hendaklah menunjukkan nilai yang baik kepada anak-anak dengan membawa mereka mengunjungi jiran pelbagai kaum terutama pada hari perayaan. Selain itu, kita haruslah bergaul dengan pelbagai kaum. Sebagai contoh dengan menyertai projek berkumpulan di sekolah dan aktiviti kemasyarakatan.

Kesimpulannya, semangat perpaduan perlu diterapkan sejak kecil supaya subur dalam hati anak-anak.

## UNIT 14 BERKAT HIDUP SEPAKAT

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**

**A**
1 Saya pernah mendengar orang bercerita tentang kesedapan mi kolok tetapi tidak pernah mencubanya.
2 Oh, ini rupanya mi kolok!
3 Silalah jamah makanan yang disediakan.
4 Kamu belum pernah makan mi kolok?

**B**
1 Ibu saya yang memasak mi kolok tersebut pagi tadi.
2 Saya harap makanan ini boleh dijadikan makanan kegemaran rakyat Malaysia.

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

1 Siapakah yang membuat kuih karipap itu?
2 Apakah pengisian slot ceramah yang disampaikan oleh Datuk Juanda?
3 Bilakah pembinaan masjid di Taman Hijrah itu dijangka akan siap?

**Praktis 2**

atau, dalam, untuk, supaya

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**

Hari sukaneka merupakan satu aktiviti yang memberi banyak kebaikan kepada kita.

Antara kebaikan sukaneka ialah hubungan antara masyarakat dapat dijalinkan dengan mesra. Mereka juga dapat berkenalan antara satu sama lain. Dengan demikian, keharmonian dan perpaduan antara kaum dapat diwujudkan. Selain itu, gotong-royong yang diadakan sehari sebelum hari sukaneka juga memupuk semangat kerjasama sesama mereka. Di samping itu, penglibatan semua pihak juga telah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi dengan berusaha bersungguh-sungguh untuk memenangi apa sahaja acara yang disertai.

Sikap bertanggungjawab dan prihatin setiap orang dapat diperkukuhkan dengan adanya hari sukaneka. Oleh itu, kita sepatutnya melibatkan diri dalam aktiviti seperti ini.

## UNIT 15 PERPADUAN MEMAJUKAN NEGARA

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**

1 Saya dapat membantu Alleye melalui pengalaman itu dengan membawanya ke tempat-tempat menarik di Malaysia, mengunjungi pasar malam, menghadiri rumah terbuka sambutan perayaan, menikmati makanan tradisional pelbagai kaum dan berkenal-kenalan dengan kaum keluarga serta jiran tetangga.
2 Pada pendapat saya, untuk menggalakkan pelancong datang ke negara kita ialah saya akan mempromosikan negara melalui tayangan video, penerangan dan sesi persembahan budaya di luar negara. Cara ini penting untuk mendedahkan mereka secara telus dengan keunikan budaya serta lokasi menarik di negara kita.

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

1 C 2 D


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**Praktis 2**

**1** A **2** D **3** A **4** A **5** D

**Kemahiran Menulis**

**Praktis 1**

Industri pelancongan merupakan salah satu industri yang menjadi penyumbang terbesar kepada pendapatan negara. Kunci utama dalam menarik kedatangan pelancong ke Malaysia ialah dengan rakyat Malaysia mengamalkan perpaduan kaum. Perpaduan kaum yang wujud dalam kalangan rakyat Malaysia akan menarik minat pelancong dari luar negara untuk melihat sendiri amalan perpaduan kaum yang menjadi pegangan setiap rakyat Malaysia. Selain itu, dengan mengamalkan perpaduan kaum, kita juga dapat memajukan ekonomi negara. Jika perpaduan kaum diamalkan oleh rakyat Malaysia, penindasan ekonomi tidak akan berlaku kerana setiap kaum akan bersaing dengan adil tanpa sedikit pun perasaan hasad dengki dalam diri mereka. Apabila rakyat mengamalkan peribahasa, "bersatu kita teguh, bercerai kita roboh," nescaya rakyat juga dapat bersama-sama memajukan ekonomi negara.

# TEMA 6 SEMANGAT CINTA AKAN NEGARA

## UNIT 16 PERKASAKAN BAHASA KITA

**Kemahiran Membaca**

**Praktis 1**

1. Bulan Bahasa Kebangsaan diadakan untuk menyemarakkan semangat jati diri dan patriotisme rakyat terhadap negara melalui wahana, wacana dan prasarana bahasa kebangsaan.
2. (a) ✓, ✗
3. Pengisian aktiviti yang akan saya cadangkan ialah bengkel penulisan cemerlang yang dapat membantu serta melatih pelajar menggunakan kosa kata dengan betul dan teknik yang tepat dalam penulisan.

**Praktis 2**

**Ayat Tunggal**
- Penguasaan bahasa itu menunjukkan jati diri sesuatu bangsa.
- Maruah sesuatu bangsa itu terletak pada bahasanya.
- Cintailah bahasa kebangsaan kita.

**Ayat Majmuk**
- 'Bahasa Jiwa Bangsa' bermaksud bahasa sebagai milik mutlak sesuatu bangsa yang menjadi identiti kebangsaan.
- Bahasa juga melambangkan bagaimana sesuatu bangsa itu menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi, perpaduan untuk saling memahami antara satu sama lain.
- Oleh itu, setiap daripada kita mesti menguasai bahasa kebangsaan kerana bahasa itu membawa bersama sifat kepunyaan dalam diri setiap warganya.

**Sistem Bahasa**

**Praktis 1**

**1** hanya **2** juga **3** lah
**4** kah **5** memang

**Praktis 2**

hampir terlewat, berjalan pantas, tiba serentak, tersenyum riang

**Praktis 3**

**1** cerah **2** awal
**3** hijau **4** bujur
**5** nipis **6** gembira
**7** ceria **8** bersih

**Kemahiran Menulis**

**Praktis 1**

<u>Laporan Minggu Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Bukit Choras</u>

Persatuan Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Bukit Choras, Kedah telah mengadakan Minggu Bahasa Melayu bermula pada 1 hingga 5 April 2019 yang lalu. Pelancaran Minggu Bahasa Melayu telah disempurnakan oleh Guru Besar pada 1 April 2019.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang minggu tersebut berlangsung. Aktiviti dibahagikan kepada 2 kategori iaitu aktiviti untuk murid tahap 1 dan murid tahap 2. Murid-murid tahap 1 mengambil bahagian dalam beberapa acara seperti pertandingan mewarna, melengkapkan pantun, bacaan mekanis, bercerita dan nyanyian lagu kanak-kanak.

Murid-murid tahap 2 pula berpeluang menyertai aktiviti mengarang pantun, menulis cerita pendek, mendeklamasikan sajak, mengarang sajak, bicara berirama dan nyanyian lagu-lagu rakyat. Kesemua acara tersebut dijalankan di kelas masing-masing.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah diadakan pada 5 April 2019. Melalui pelbagai acara yang dipertandingkan, pihak sekolah telah berjaya mencungkil bakat-bakat terpendam para murid. Para peserta terbaik bagi acara berpantun, bercerita, mendeklamasikan sajak dan bicara berirama dipilih untuk mewakili sekolah dalam Karnival Bahasa Melayu yang akan diadakan pada bulan Julai nanti.

Dalam ucapan penutup, Guru Besar merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Persatuan Bahasa Melayu kerana berjaya mengendalikan aktiviti dengan cemerlang. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada para peserta yang berjaya mendapat tempat dalam semua pertandingan yang dijalankan.

Laporan disediakan oleh, 15 April 2019

*Auninabila*

(AUNI NABILA BINTI ALLI)
Setiausaha Persatuan Bahasa Melayu
Sekolah Kebangsaan Bukit Choras.

## UNIT 17 BUDI YANG BAIK DIKENANG JUA

**Kemahiran Membaca**

**Praktis 1**

Tun Ismail Mohamad Ali merupakan tokoh pembangunan ekonomi bumiputera. Beliau dianggap sebagai pentadbir kewangan negara yang terulung dan merupakan Gabenor Bank Negara yang paling lama berkhidmat, iaitu selama 18 tahun (1962–1980). Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau telah memperkenalkan sistem kewangan yang telus, berakauntabiliti, berintegriti dan mempunyai sistem penyampaian yang berkesan. Beliau banyak memberi sumbangan besar sebagai Gabenor Bank Negara. Sebuah bangunan di Kuala Lumpur dinamakan sebagai 'Menara Tun Ismail Mohd Ali' sempena nama beliau pada tahun 2003.

**Praktis 2**

1 B 2 A 3 D

4 Pada pendapat saya, kita haruslah berdiri tegak bagi menghormati lagu 'Negaraku' kerana lagu 'Negaraku' merupakan lagu kebangsaan negara.

**Sistem Bahasa**

**Praktis 1**

1 malas 2 cacian 3 murah

**Praktis 2**

1 C 2 A 3 D 4 C

**Kemahiran Menulis**

**Praktis 1**

1 Datuk Lee Chong Wei merupakan Tokoh Sukan Negara yang terlibat dalam bidang sukan badminton.
2 Datuk Lee Chong Wei dilahirkan di bandar Georgetown, Pulau Pinang.
3 Datuk Lee Chong Wei ialah pemenang pingat perak dalam Sukan Olimpik pada tahun 2008, 2012 dan 2016.
4 Ikon kejayaan Malaysia layak dianugerahkan kepada Datuk Lee Chong Wei atas pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh beliau.
5 Bakat beliau yang begitu membanggakan telah menjadi perintis dalam bidang sukan di Malaysia.

## UNIT 18 BERSYUKURLAH

**Kemahiran Mendengar dan Bertutur**

**Praktis 1**

1 Saya 2 cik 3 Beliau
4 situ 5 cik 6 saya
7 sana 8 sini 9 ini
10 Kami

**Kemahiran Membaca**

**Praktis 1**

1 Sidang media itu diadakan di Galeri Darurat, Bukit Kepong.
2 Tarikh keramat bagi pasukan Polis Diraja Malaysia ialah 23 Februari setiap tahun.
3 Generasi muda perlu menghayati sejarah dan pengorbanan pasukan keselamatan supaya keamanan yang dikecapi hari ini berkekalan.
4 Pada pendapat saya, tugas Pasukan Polis Diraja Malaysia ialah menjaga keamanan negara, keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

**Sistem Bahasa**

**Praktis 1**

1 Semua ahli keluarga Haziqah bercermin mata kecuali abangnya.
2 Kamu boleh didenda dan dihukum penjara jika melakukan kesalahan itu.
3 Emilia tidak dapat membuat kek itu meskipun saya telah mengajarnya sebelum ini.
4 Ahmad Adam tersepak tunggul kayu lalu tersungkur.

**Praktis 2**

1 malahan 2 Tatkala
3 semenjak 4 Sekiranya
5 padahal 6 agar

**Kemahiran Menulis**

**Praktis 1**

Setiap orang mempunyai cita-cita. Begitu juga dengan saya. Cita-cita saya ialah menjadi seorang doktor gigi.

Saya bercita-cita untuk menjadi seorang doktor gigi sejak berumur lima tahun lagi. Saya masih ingat peristiwa yang berlaku ketika saya belajar di tadika. Pada suatu hari, saya menangis kerana sakit gigi. Ayah pun membawa saya ke klinik gigi untuk membuat pemeriksaan.

Rupa-rupanya, gigi saya telah rosak akibat suka makan gula-gula dan tidak menjaga gigi dengan baik. Akhirnya, gigi yang rosak itu telah dicabut oleh doktor gigi. Doktor menasihati saya supaya mengurangkan pengambilan makanan yang manis dan menggosok gigi dengan cara yang betul.

Semenjak hari itu, saya mengikut nasihat doktor. Saya menjaga gigi saya dengan baik supaya gigi saya sentiasa bersih dan kuat. Saya berazam untuk menjadi seorang doktor gigi yang bertanggungjawab. Saya akan memeriksa gigi pesakit dengan teliti dan memberikan rawatan yang terbaik kepada mereka.

Di samping itu, saya akan menyalurkan informasi tentang cara-cara penjagaan gigi yang betul kepada semua lapisan masyarakat. Saya akan memberi perkhidmatan kepada penduduk di kawasan pendalaman dan mendedahkan kepentingan menjaga kesihatan gigi kepada mereka agar semua penduduk dapat hidup sihat dan ceria.

# TEMA 7 INDAHNYA WARISAN KITA

## UNIT 19 KHAZANAH KESENIAN BANGSA

**Kemahiran Membaca**

**Praktis 1**

1 Kelas Muzik dikendalikan oleh guru-guru yang mahir dalam bidang muzik.
2 ✗ , ✓
3 Pada pendapat saya, pilihan yang wajar dibuat oleh Lydia ialah belajar alat muzik tradisional. Hal ini kerana kita dapat memelihara dan menghargai warisan budaya. Jika generasi baharu tidak menjaganya, warisan budaya ini akan pupus dan lenyap ditelan masa. Lagipun, yuran yang dikenakan lebih murah berbanding yuran belajar alat muzik moden.

**Sistem Bahasa**

**Praktis 1**

1 Antarabangsa 2 Atur cara
3 balai raya 4 Perdana Menteri
5 setiausaha 6 bumiputera

**Praktis 2**

1 B 2 D 3 C 4 A 5 A
6 C

**Kemahiran Menulis**

**Praktis 1**

1 Kedah, Perak, Terengganu dan Selangor.
2 Enam jenis alat muzik yang digunakan dalam Nobat Diraja Kedah ialah Serunai, Nafiri, Gendang Ibu, Gendang Anak dan Gong.
3 Nobat biasa dimainkan ketika majlis adat istiadat istana seperti istiadat pertabalan, perkahwinan, menjunjung duli, berkhatan, kemangkatan dan sebagainya.
4 Pada pendapat saya, hanya waris keturunan pemain Nobat sahaja yang boleh menganggotai muzik diraja ini kerana muzik ini mempunyai martabat yang tinggi. Selain itu, hal ini dapat memelihara nilai muzik Nobat daripada disalahgunakan.

## UNIT 20 WARISAN BERHARGA

**Kemahiran Membaca**

**Praktis 1**

1 C 2 B 3 A 4 D


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

| | |
|---|---|
| **1** besar hati | **2** Air muka |
| **3** anak buah | **4** alas perut |
| **5** bahasa istana | |

**Praktis 2**

| | |
|---|---|
| **1** C | **2** D |
| **3** A | **4** B |
| **5** D | |

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**

**Format :**
– tajuk laporan
– pengakuan pelapor
– jawatan pelapor
– tarikh laporan

**Pendahuluan :**
tarikh lawatan – Kelab Sejarah – mengadakan lawatan – Muzium Negara – disertai 35 orang anggota kelab – tiga orang guru pengiring

**Isi 1 :**
tiba di muzium – pusat pameran artifak dan sebagai khazanah warisan negara – ditempatkan di balai sejarah, balai kebudayaan dan balai Islam

**Isi 2 :**
memulakan lawatan mengunjungi balai sejarah – artifak prasejarah – ditemukan di tapak penempatan awal

**Isi 3 :**
balai kebudayaan – mempamerkan kebudayaan pelbagai etnik koleksi peralatan, adat resam dan kesenian

**Isi 4 :**
tayangan video sejarah kemerdekaan – melihat dengan lebih dekat proses kemerdekaan – juga mengisahkan tokoh negarawan

**Penutup :**
lawatan berakhir – dapat menambahkan pengetahuan tentang sejarah – budaya bangsa

## UNIT 21 INDAHNYA BUDAYA KITA

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**
1 kain yang ditenun menggunakan benang emas dan perak.
2 Songket buatan tangan lebih mahal harganya berbanding songket tenunan mesin kerana lebih berkualiti dan mengambil masa yang lebih lama untuk disiapkan.
3 Pada pendapat saya selain dijadikan pakaian, satu lagi kegunaan kain songket ialah dijadikan sebagai gubahan hadiah perkahwinan.
4 Pada pendapat saya, songket harus dipelihara agar tidak luput dibawa arus kemodenan dengan menggalakkan pemakaian songket atau mengadakan pameran songket.

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

| | | |
|---|---|---|
| **1** BIASA | **2** SONGSANG | **3** SONGSANG |
| **4** BIASA | **5** BIASA | **6** SONGSANG |

**Praktis 2**
1 Bangunan tinggi itu belum tentu selamat.
2 Kanak-kanak itu mandi di sungai.
3 Kebanyakan orang Asia bertubuh kecil.
4 Mereka sedang bermain bola di padang yang luas itu.

**Praktis 3**
1 Sedang sakit tenat ayah Faizul di hospital.
2 Berkejar-kejaran kelihatan anak-anak kecil itu di kawasan lapang.
3 Pada awal pagi sungguh dingin keadaan suhu di atas Gunung Kinabalu.

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**

**Adat Kelahiran**

| Melayu | Cina | India |
|---|---|---|
| Berpantang selama 40 hingga 44 hari, menjaga pemakanan, mengadakan majlis cukur jambul | Tidak boleh mandi dengan air sejuk, kenduri meraikan bayi selepas sebulan kelahiran, bayi diberi nama berasaskan lima unsur | Menjaga pemakanan, secalit madu disapu pada lidah bayi, serbuk kunyit, minyak bijan dan kacang hijau digunakan sebagai pembersih bayi |

# TEMA 8 DAMAINYA BUMIKU

## UNIT 22 BUMIKU SEJAHTERA

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**
1 Hari Bumi disambut pada 22 April setiap tahun.
2 Hari Bumi diraikan untuk menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk melindungi alam sekitar.
3 Aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan semasa sambutan Hari Bumi ialah pameran alam sekitar, pertandingan mewarna, ceramah dan menanam pokok.
4 Pada pendapat saya, jika bumi dan alam sekitar tidak dilindungi, kita mungkin akan mengalami masalah kesihatan akibat pencemaran alam sekitar.

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

| | |
|---|---|
| **1** Walau bagaimanapun | **2** Selanjutnya |
| **3** Sebaliknya | **4** Tambahan pula |
| **5** Malangnya | **6** Namun begitu |
| **7** Oleh itu | **8** Justeru |
| **9** Akhirnya | |

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**
Terdapat tiga buah tong sampah kitar semula yang mempunyai warna berbeza yang boleh kita gunakan untuk membuang sampah sarap yang boleh dikitar semula.

Semua kertas seperti surat khabar, majalah dan buku-buku terpakai boleh dibuang ke dalam tong berwarna biru. Tong berwarna jingga pula boleh digunakan untuk mengumpulkan sampah seperti botol minuman plastik serta tin aluminium. Bagi barangan kaca seperti

botol kaca dan balang kaca, kita boleh membuangnya ke dalam tong berwarna coklat.

Program seperti ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

## UNIT 23 PENCINTA ALAM

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**
1 Maksud rangkap kedua pantun di atas ialah kita hendaklah berbudi kepada alam semesta dengan mencegah pencemaran.
2 Jika alam tidak dijaga, pencemaran dan kemusnahan alam akan berlaku.
3 Salah, Betul
4 Pada pendapat saya, kita perlu mengadakan gotong-royong membersihkan alam sekitar agar tidak tercemar.

**Praktis 2**
1 D 2 C 3 C

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**
1 ketul 2 Selaras 3 selonggok 4 sekeping 5 ikat
6 seutas

**Praktis 2**
1 mata 2 tangan 3 lauk
4 pinggan

**Kemahiran Menulis**
KUCHING, 23 April – Sekolah Kebangsaan Astana telah menganjurkan 'Program Satu Murid Satu Pokok' bagi memeriahkan minggu alam sekitar. Program ini dijalankan di sekitar kawasan sekolah.

Tujuan program ini adalah untuk menghijaukan persekitaran sekolah dan mengindahkan pemandangan di kawasan sekolah. Selain itu, program ini dapat mendidik murid supaya sayang akan alam sekitar.

Program ini dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Guru Besar. Guru Besar berharap agar murid-murid dapat memelihara dan memulihara alam sekitar demi kesejahteraan hidup sepanjang zaman.

Program ini juga mendapat kerjasama dan sokongan pihak Majlis Perbandaran Kuching yang turut menyumbang 50 batang anak pokok. Di samping itu, pihak mereka juga menyumbangkan baja dan pokok hiasan sebagai tambahan.

Semua murid membawa sebatang pokok setiap seorang. Murid-murid menanam pokok di kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Guru-guru juga tidak ketinggalan menanam pokok di kawasan sekitar sekolah.

Pihak sekolah berharap, program seperti ini dapat memberi manfaat kepada murid-murid supaya menghargai alam sekitar.

## UNIT 24 LESTARIKAN KEINDAHAN ALAM

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**
1 B 2 A 3 B

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**
1 BETUL
2 SALAH
3 SALAH
4 SALAH
5 BETUL

**Praktis 2**
1 A
2 D

**Praktis 3**
1 C
2 C

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**

Sekolah Kebangsaan Jaya,
Petra Jaya,
93050 Kuching

---

Persatuan Penduduk,
Taman Sejoli,
Petra Jaya,
93050 Kuching. 3 APRIL 2021

Tuan,
Perkara : Memohon Kerjasama Menjayakan Kempen Kitar Semula.
Merujuk perkara di atas, Sekolah Kebangsaan Jaya akan menganjurkan Kempen Kitar Semula pada 13 Mei 2021. Tujuan kempen ini adalah untuk menggalakkan masyarakat menghargai alam sekitar dan mengurangkan masalah pencemaran.
2. Sehubungan itu, kami ingin memohon kerjasama tuan agar menghebahkan program ini kepada para penduduk setempat. Kami berharap agar masyarakat akan memberikan sokongan bagi menjayakan kempen ini.
3. Atas kerjasama pihak tuan itu, kami ucapkan ribuan terima kasih. Untuk keterangan lanjut sila hubungi saya di talian 0123390630.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
*Aqilah*
(Aqilah binti Mustapha)
Setiausaha,
Kempen Kitar Semula
Sekolah Kebangsaan Jaya, Kuching

# TEMA 9 TEROKAI SAINS TERAJUI TEKNOLOGI DAN INOVASI

## UNIT 25 KEAJAIBAN SAINS

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**
1 C 2 B 3 A

**Praktis 2**
1 Penyelidik 2 seakan-akan 3 kemampuan
4 menyudahkan 5 mempunyai

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**
1 SALAH 2 BETUL 3 SALAH
4 BETUL 5 BETUL

**Praktis 2**
1 C 2 C 3 D 4 C


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**
1 Datuk Dr. Mazlan Othman merupakan perintis dalam bidang sains dan teknologi di Malaysia.
2 Penyelidikan utama Prof Dr Ng Kwan Hoong adalah dalam pemeriksaan kanser payu dara.
3 Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor merupakan doktor bedah ortopedik Malaysia dan angkasawan Malaysia yang pertama ke angkasa lepas.
4 Sumbangan Dr Mahaletchumy Arujanan adalah dalam penyelidikan mengenai penyakit Parkinson.
5 Prof Dr Srijit Das telah menerima pengiktirafan antarabangsa apabila menerima Anugerah Saintis Muda Antarabangsa di Perancis.

## UNIT 26 MASYARAKAT KREATIF DAN INOVATIF

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**
1 B　2 C　3 D

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**
1 C　2 D　3 C　4 D　5 B

**Praktis 2**
1 Mengapakah remaja itu ditahan oleh polis di dalam lokap?
2 Apakah yang menjadi punca kematian lelaki itu?
3 Di manakah perkahwinan Anas dan Lisa akan diadakan?
4 Berapa orangkah anak lelaki Encik Izman dan Puan Shamira?
5 Bilakah mereka dijangka tiba?

**Kemahiran Menulis**
Pelbagai ciptaan berdasarkan sains dan teknologi telah membantu manusia dalam kehidupan seharian. Dengan kemajuan dalam bidang sains dan teknologi, pelbagai ciptaan telah diperkenalkan untuk memudahkan kerja manusia. Kerja-kerja harian seperti memanaskan makanan dengan ketuhar gelombang mikro dapat menjimatkan masa kerana proses yang dilakukan lebih cepat.

Sementara itu, tahap kesihatan manusia juga dapat dipertingkatkan. Hal ini demikian karana kemajuan sains dan teknologi membolehkan pakar-pakar perubatan dapat menghasilkan ubat-ubatan yang lebih berkesan. Seterusnya, mencipta peralatan canggih untuk menyembuh pelbagai penyakit yang berbahaya pada masa kini.

Selain itu, perkembangan sains dan teknologi juga telah membantu meningkatkan hasil produktiviti sektor perindustrian dan perladangan. Penciptaan jentera canggih dan robot-robot dapat menggantikan tenaga manusia, selain melakukan kerja dengan lebih pantas. Dengan itu, kos dapat dikurangkan dan ekonomi semakin bertambah baik.

Seterusnya, kemajuan dalam bidang sains dan teknologi juga memudahkan urusan penyimpanan data. Komputer digunakan meluaskan dalam sektor perbankan untuk memudahkan urusan penyimpanan dan pengeluaran wang, kemudahan mesin juruwang automatik yang disediakan oleh pihak bank pula memudahkan pelanggan berurusan selepas waktu pejabat.

Jelaslah bahawa sains dan teknologi banyak memberikan sumbangan untuk memudahkan urusan harian manusia, di samping meningkatkan taraf hidup manusia.
Sekian, terima kasih.

## UNIT 27 MANFAATKAN KEMAJUAN TEKNOLOGI

**Mendengar dan Bertutur**
**Praktis 1**
1 C　2 A　3 D

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**
1 A
2 B
3 B

**Praktis 2**
1 C　2 A　3 D

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**
1 Maria berasa mengantuk meskipun malam itu baru pukul lapan.
2 Auni mengemop lantai sementara Zeti mengelap tingkap.
3 Bapa mendengar radio sambil membaca surat khabar.
4 Khalisa tidak hadir ke sekolah kerana terlibat dengan sukan.
5 Jikalau kamu belajar dengan bersungguh-sungguh, tentu kamu akan berjaya.

**Praktis 2**
1 B　2 A　3 C　4 B

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**
Aku sebuah telefon bimbit yang canggih. Aku bernama Iphone 8Plus dan aku berwarna hitam. Aku dilahirkan di sebuah kilang elektronik yang terletak di Georgetown, Pulau Pinang.

Setelah siap dibuat, aku diletakkan di dalam sebuah kotak. Selepas itu, aku dihantar ke sebuah kedai telekomunikasi di Kuala Lumpur. Aku berharga RM3800. Aku berkenalan dengan rakan-rakan seperti Oppo, Sony, Samsung dan sebagainya. Aku dan rakan-rakan dipamerkan di dalam almari kaca. Kami menunggu tuan kami dengan sabarnya.

Pada suatu hari,seorang wanita berkunjung ke kedai tersebut. Beliau ingin membeli telefon bimbit untuk anaknya sebagai hadiah hari jadi. Beliau membelek-belek aku dan mencuba beberapa fungsi aku yang canggih. Beliau tertarik oleh keanggunan aku lalu membeli aku. Aku dibawa pulang ke rumahnya.

Tuan aku bernama Zeti. Dia seorang gadis yang rajin dan bertanggungjawab. Zeti menjaga aku dengan baik bagai menatang minyak yang penuh. Zeti membawa aku ke pejabat semasa bekerja. Rakan Zeti memuji kecanggihan aku. Aku berasa bangga dan aku suka akan tuan aku.

Zeti menggunakan aku untuk berhubung dengan kawannya. Aku juga digunakan untuk melayari Internet. Zeti selalu menggunakan aku untuk menghantar pesanan ringkas kepada kawan-kawannya. Dia juga bermain permainan atas talian untuk melapangkan fikirannya.

Tuan aku menggunakan aku dengan cermat. Aku bersyukur kerana mempunyai tuan yang baik. Aku akan terus berkhidmat untuk tuan aku.

# TEMA 10 SEMARAKKAN PERTANIAN DAN PENTERNAKAN KITA

## UNIT 28 HARGAILAH POKOK

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**
1 Ayah meminta cadangan daripada ibu, kakak dan abang untuk memanfaatkan kawasan lapang di belakang rumah mereka.

2 Faedah menanam pokok-pokok bunga ialah pokok-pokok bunga boleh menceriakan suasana persekitaran rumah kita.
3 Pada pendapat saya, cadangan yang paling wajar dilaksanakan oleh keluarga penulis ialah cadangan kakak. Hal ini demikian kerana tanaman untuk masakan dapat menjimatkan perbelanjaan keluarga. Mereka tidak perlu lagi membeli malah dapat pula menjual atau memberikan hasil tanaman kepada jiran atau saudara-mara.

**Praktis 2**
1 program peningkatan 400,000 polibeg setiap negeri
2 (i) ✓
(ii) ✗
3 menghebahkan

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

| | | |
|---|---|---|
| 1 harus | 2 akan | 3 mesti |
| 4 boleh | 5 telah | |

**Praktis 2**
1 BETUL
2 SALAH
3 BETUL
4 SALAH
5 BETUL

**Praktis 3**
1 hendak
2 menunggang
3 sudah
4 membersihkan
5 dapat

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**
Maklumat di atas menunjukkan kepentingan pokok kepada manusia. Antara kepentingannya ialah pokok dapat mengelakkan tanah daripada terhakis, terutamanya di kawasan bukit dan tepi pantai. Selain itu, kita dapat berkelah dan berehat di bawah pokok yang redup bersama keluarga. Di samping itu, pokok juga memberi faedah kepada kita apabila kita mendapat wang hasil jualan daripada pokok buah-buahan.
Kesimpulannya, pokok banyak memberikan manfaat kepada kita. Oleh itu, kita patut menghargainya.

## UNIT 29 PENTERNAKAN MODEN

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**
1 Dua kaedah yang digunakan dalam penternakan udang galah ialah monokultur dan polikultur.
2 Aspek yang perlu diberi perhatian sebelum memulakan penternakan udang galah ialah saiz dan kedalaman kolam.
3 Pada pendapat saya, Malaysia mampu untuk maju dalam industri udang galah. Ini disebabkan kerana udang galah mendapat permintaan yang tinggi dari dalam dan luar negara. Selain itu, isi udang galah mempunyai tekstur yang halus dan rasanya yang enak.

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**
1 cair
2 besar
3 pendek
4 ingkat

**Praktis 2**

| | | |
|---|---|---|
| 1 BETUL | 2 SALAH | 3 BETUL |
| 4 SALAH | 5 SALAH | 6 BETUL |

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**

Nurul Atifah bt Ayup,
3337, Taman Mas,
93050 Kuching.

2 April 2021.

Bagaimanakah saudari mengisi masa sepanjang cuti sekolah ini? Aktiviti saya pula ialah membantu bapa saya mengusahakan penternakan ikan dalam sangkar di kawasan tali air.
Menurut ayah saya, projek ini dapat meningkatkan pengeluaran hasil ikan dan sumber makanan. Seterusnya, mengurangkan import ikan dari luar negara.
Usaha penternakan ikan ini tidak dilakukan secara sendirian oleh bapa saya. Sebaliknya projek ini diusahakan oleh lima buah Pertubuhan Peladang secara bersama.
Jabatan Pertanian menyediakan kawasan tali air yang sesuai manakala Jabatan Perikanan pula memberi khidmat nasihat tentang penternakan ikan. Saya pula membantu bapa memberi makan ikan setiap pagi dan petang.

## UNIT 30 PERTANIAN SUMBER REZEKI

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**
1 Makanan Kita, Masa Depan Kita.
2 (i) ✗
(ii) ✓
3 Pengunjung dapat menikmati sendiri pengalaman pertanian secara 'hand on' di Laman Padi, Laman Ternakan, Laman Perikanan, Laman Nanas, Laman Herba dan Sayur serta Laman Florikultur dan Laman Jentera.

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**
1 Rumah besar dihujung jalan itu dibina oleh Pak Hamid
2 Afif dan adiknya bermain bola di padang sekolah.
3 Saya belum berbasuh baju sekolah.

**Praktis 2**

| | |
|---|---|
| 1 tongkal | 2 pangsa |

**Praktis 3**
1 dimana ada gula, di situ ada semut

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**
Maklumat di atas menunjukkan Kursus Tanaman Hidroponik. Kursus ini dianjurkan oleh Jabatan Pertanian Daerah Cameron Highlands.
Kursus ini diadakan di Taman Agroteknologi, Cameron Highlands dan berlangsung pada 30 Jun 2020 iaitu pada hari Selasa. Kursus tersebut bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Bagi sesiapa yang berminat, yuran penyertaan dikenakan sebanyak RM100 termasuk makan dan minum peserta. Melalui kursus ini, peserta akan dapat mengetahui kaedah penanaman hidroponik dengan betul dan mengetahui penyakit yang menyerang tanaman dan penjagaan tanaman hidroponik. Seterusnya, peserta kursus juga akan dibawa melawat ke ladang tanaman hidroponik.
Justeru, orang ramai dipelawa untuk menyertai kursus ini kerana banyak manfaatnya.


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

# TEMA 11 RANCAKKAN EKONOMI KITA

## UNIT 31 BERSAMA-SAMA MENJANAKAN EKONOMI

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**

Pemuda bermain sepak raga,
Tinggalan warisan jangan disia-sia;
Usaha Kraf tangan Malaysia perlu dibangga,
Bangunkan industri kraf Malaysia.

Sungguh cantik bakul rotan,
Diguna pakai di sebarang acara;
Komersilkan produk kraf tempatan,
Penyumbang kepada ekonomi negara.

Kraf tangan Malaysia mempunyai visi,
Industrinya kini jelas terbukti;
Produk kraf jadikan tradisi,
Agar sentiasa terus diingati.

**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**
berkunjung, menempah, digemari, kemahiran, hidangan, memberi, menyukai, Keenakannya, pasaran, membekalkan, dijalankan, pendapatan

**Praktis 2**
1 Puan Hafizah tidak lagi menerima sebarang tempahan kek lapisnya kerana kekurangan pekerja.
2 Ayah saudara saya bercadang untuk memulakan perusahaan kraf tangan kerana minatnya yang mendalam.
3 Cikgu Jamliyah dan suami telah menjalankan kerja sebagai guru tuisyen sejak sepuluh tahun yang lalu.

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**
Cik Fakhriyah mempunyai sebuah butik. Nama butik beliau ialah Butik Fakhriyah. Butik beliau besar dan popular.

Setiap hari, banyak pelanggan datang berkunjung ke butik beliau untuk membeli dan menempah pakaian. Perniagaan Cik Fakhriyah sangat maju.

Kira-kira 15 tahun yang lalu, kehidupan Cik Fakhriyah amat berbeza. Beliau hanyalah seorang tukang jahit di rumah sahaja. Namun begitu, beliau sangat gigih bekerja. Beliau sentiasa berusaha untuk memajukan diri.

Cik Fakhriyah bercita-cita mahu membuka butiknya sendiri. Oleh itu, beliau menyimpan wang untuk dijadikan modal. Bak kata peribahasa, sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit.

Setelah wang simpanannya mencukupi, Cik Fakhriyah pun membuka sebuah butik yang kecil. Kini, Cik Fakhriyah sudah berjaya.

Hidupnya tidak susah lagi. Impian beliau untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya telah terlaksana.

## UNIT 32 BERJIWA USAHAWAN

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**
1 Pengasas kicap Tamin ialah Tuan Haji Mohd Tamin.
2 (i) ✗
(ii) ✓
3 Pada pendapat saya, rahsia kejayaan Syarikat Kicap Tamin ialah keazaman dan ketelitian dalam menghasilkan produk oleh Tuan Haji Mohd Tamin sendiri.

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**
Beras Faiza merupakan beras yang top dalam pasaran disebabkan kualiti berasnya. Beras Faiza diasaskan oleh Faiza Bawumi Sayed Ahmad yang mengikuti suaminya ke Malaysia pada tahun 1964, beliau kini mempunyai 200 pekerja tetap dan lebih 300 pekerja kontrak.

Beliau percaya bahawa dengan penglibatan dalam penghasilan produk, telah memberi pilihan kepada orang Islam untuk mendapatkan produk yang bermutu tinggi dan tanpa diragui status halalnya.

Sebelum beliau menjual beras, beliau telah pergi dari satu kedai ke kedai lain bagi mendapatkan maklum balas atau pandangan sama ada mereka akan membeli berasnya jika beliau menjualnya.

Oleh sebab mendapat respons yang positif, Faiza memohon lesen pemborong beras dan menjual pelbagai jenis beras termasuk ponni, basmathi, beras wangi serta beras Siam.

## UNIT 33 KAD DAN DIRIKU

**Kemahiran Membaca**
**Praktis 1**




**Sistem Bahasa**
**Praktis 1**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1 D | 2 A | 3 C | 4 B | 5 D |

**Praktis 2**

| | |
|---|---|
| 1 Malahan | 2 Lantaran itu |
| 3 Akhirnya | 4 Oleh hal demikian |

**Kemahiran Menulis**
**Praktis 1**
1 Kad Ceria merupakan kad diskaun atau kad pemotongan terus harga ke atas pembelian di premis-premis dan lokasi terpilih.
2 (i) ✗ (ii) ✓
3 Orang ramai yang ingin memohon Kad Ceria boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan menghubungi Urusetia Kad Ceria di Kementerian Wilayah Persekutuan atau menghantar e-mel: kadceria@kwp.gov.my.

# KERTAS MODEL UPSRT SET 1

**Pemahaman**
**Bahagian A**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1 C | 2 D | 3 A | 4 B | 5 C |
| 6 D | 7 A | 8 C | 9 D | 10 A |
| 11 B | 12 D | 13 A | 14 C | 15 B |
| 16 C | 17 D | 18 B | 19 D | 20 A |

**Bahagian B**
**Soalan 21**
(a) (i) kepada
(ii) ke
(iii) pada
(iv) tentang
(b) (i) salah
(ii) betul
(iii) betul

**Soalan 22**
(a) (i) helai
(ii) gugus
(b) di mana ada air adalah ikan

**Soalan 23**
(a) Ke manakah kamu hendak pergi?
(b) (i) Pameran robotik itu akan diadakan di Muzium Negara, Kuala Lumpur.
(ii) Pada pendapat saya, pameran robotik ini sesuai diadakan pada musim cuti sekolah kerana ramai murid boleh menyertai pameran robotik ini.

**Soalan 24**
(a) Murid tahap dua layak menyertai pertandingan deklamasi sajak tersebut.
(b) Pada pendapat saya, aktiviti lain yang dapat memupuk semangat patriotisme adalah seperti melawat tempat bersejarah seperti tugu negara untuk mengamperolehi pengetahuan yang baharu tentang sejarah negara kita. Selain itu, melukis poster bertemakan patriostime juga menjadi satu aktiviti yang boleh memupuk semengat patriotisme. Hal ini dapat mengasah bakat murid-murid.

**Soalan 25**
(a) hiasan sulaman benang emas atau perak yang dijahit pada kain dasar baldu.
(b) (i) tekat timbul benang emas
(ii) tekat gubah
(c) (i) pemidang kayu
(ii) cuban
(iii) benang emas
(d) Pada pendapat saya, satu hiasan barangan yang yang boleh dihasilkan dengan seni tekat ialah hiasan sarung bantal.

**Penulisan**
**Bahagian A**
**1** Syahirah, Najma dan Intan sedang berjoging di taman.
**2** Fakhri sedang mengulang kaji pelajaran di dalam biliknya.
**3** Encik Othman membawa keluarganya bercuti ke Tanah Tinggi Cameron semasa cuti persekolahan.
**4** Encik Faris membawa keluarganya pulang ke kampung untuk menziarahi datuk dan nenek.
**5** Farhan dan keluarga berkelah di tepi sungai semasa cuti persekolahan.

**Bahagian B**
Petikan tersebut membincangkan tentang memupuk amalan membaca dan cara-cara untuk memupuk minat membaca kepada anak-anak.

Antara cara untuk memupuk minat membaca ialah ibu bapa perlu menjadikan membaca sebagai amalan harian. Ibu bapa boleh membaca buku-buku cerita untuk anak-anak yang belum tahu membaca. Seterusnya, ibu bapa membawa anak-anak mengunjugi pesta buku atau pameran buku yang boleh membantu anak-anak untuk lebih suka dan minat membaca buku. Ibu bapa juga perlu memberikan pelbagai pilihan bahan membaca kepada anak-anak supaya mereka membaca buku yang mereka minati.

Kesimpulannya, ibu bapa banyak memainkan peranan utnuk memupuk minat membaca dalam kalangan anak-anak.

**Bahagian C**
**Soalan 1**
**Pendahuluan:**
berada – sekolah – guru – menjaga – mendidik – seumpama – ibu bapa – kita sepanjang masa – sekolah – peranan – besar – amat – dihormati – sepanjang masa
**Isi 1:**
menghormati guru – mengucapkan salam – bertemu – guru – merasa senang hati – murid-murid mengucapkan salam – mendoakan kesejahteraanya
**Isi 2:**
sikap tekun belajar – mendengar – teliti – ajaran guru – berada – kelas – menghormati guru – bahagia – dihargai – kita mendengar – mengajar – kita – penuh – kesungguhan
**Isi 3:**
menghormati guru – bersikap sopan santun – berbudi bahasa – bercakap – bertanyakan soalan – guru – lebih disayangi – guru – bersikap biadap – membuatkan guru – terhina – tidak dihormati. – menjaga kelakuan – bercakap – guru
**Isi 4:**
melakukan – kesilapan – terlupa – menyiapkan – tugasan – guru – memohon maaf – kita tersilap – meminta maaf – ibu bapa kita– mengakui – kesilapan – membuatkan – guru – senang hati – berasa – dihargai – dihormati
**Penutup:**
cara – lakukan – menghormati guru – kita – hendaklah – menghormati – guru-guru – telah menjalankan – tanggungjawab – mendidik kita

**Soalan 2**
**Pendahuluan:**
kata alu-aluan – pengerusi majlis – guru besar – guru-guru – rakan-rakan
**Isi 1:**
mengucapakn terima kasih – memberi peluang – ucapan – perpisahan – guru besar – berpindah – sekolah
**Isi 2:**
guru besar – pergi – lama berkhidmat – sekolah – sedih – kehilangan – guru besar – perihatin – tolak ansur – memahami masalah murid-murid
**Isi 3:**
pengorbanan – jasa – tidak ternilai – banyak membimbing – guru-guru – murid-murid – tunjuk ajar – mengambil berat – meluangkan masa – mendengar – masalah murid – mencari penyelesaian – bersama-sama
**Isi 4:**
mewakili – murid – terima kasih – menghargai segala – jasa – pengorbanan – kami – berjanji – belajar – bersungguh-sungguh – berjaya – membanggakan – guru besar – tercapai – impian – cita-cita
**Penutup:**
guru besar – berbahagia – tempat baharu – tidak lupa – anak murid – sini

## KERTAS MODEL UPSRT SET 2

**Pemahaman**
**Bahagian A**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **1** C | **2** B | **3** A | **4** D | **5** A |
| **6** A | **7** C | **8** A | **9** D | **10** D |
| **11** A | **12** C | **13** B | **14** C | **15** A |
| **16** D | **17** C | **18** C | **19** A | **20** D |


© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

**Bahagian B**
**Soalan 21**
(a) (i) ke (ii) daripada (iii) tentang (iv) Sejak
(b) (i) salah (ii) salah (iii) salah

**Soalan 22**
(a) (i) buah
(ii) helai
(b) tikus membaiki labu

**Soalan 23**
(a) Mengapa kita perlu menjaga kesihatan emosi
(b) (i) Pertandingan Mereka Cipta Robot Kreatif itu akan diadakan di Dewan Tunku Abdul Rahman.
(ii) Pada pendapat saya, tujuan pertandingan itu diadakan adalah untuk mencungkil bakat terpendam murid-murid sekolah dalam projek sains.

**Soalan 24**
(a) Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang pertandingan mewarna dan melukis poster ialah bagi tempat pertama merupakan alatan melukis dan hamper, bagi tempat kedua ialah alat tulis dan hamper manakala tempat ketiga pula hadiah berbentuk hamper.
(b) Pada pendapat saya, kebaikan menyertai pertandingan mewarna dan melukis poster adalah dapat memenangi hadiah/ menambah pengalaman/ mengasah bakat/ mengisi masa lapang.

**Soalan 25**
(a) (i) menonton televisyen
(ii) membaca buku
(b) Masa itu emas / Bagai menatang minyak yang penuh

**Penulisan**
**Bahagian A**
1 Gambar menunjukkan situasi di sebuah bengkel kereta kepunyaan Abang Wan.
2 Pekerja-pekerja bengkel sedang sibuk membaiki kereta-kereta yang telah dihantar ke bengkel tersebut.
3 Terdapat pelbagai jenis kereta yang sedang menanti untuk dibaiki oleh beberapa orang pekerja di bengkel tersebut.
4 Seorang pelanggan sedang membayar duit sambil mengambil kunci kereta yang dihulurkan oleh pekerja lelaki yang bekerja di situ.
5 Dua orang pekerja lelaki sedang bekerjasama mengangkat bekas yang mengandungi air untuk dialihkan ke tempat lain.

**Bahagian B**
Sungai sangat penting dalam kehidupan kita seharian.

Sungai membekalkan makanan kepada manusia. Manusia memperoleh sumber protein yang banyak melalui sungai. Selain itu, sungai turut membekalkan air bersih kepada penduduk setempat. Kebanyakan masyarakat di pendalaman mengangkut air bersih dari sungai bagi melakukan keperluan seharian mereka. Tambahan lagi, sungai juga turut berfungsi sebagai medium pengangkutan iaitu bagi menghubungkan kawasan yang tidak dapat dihubungkan dengan jalan raya. Akhir sekali sungai berfungsi sebagai sumber pendapatan. Manusia menggunakan sungai untuk mencari rezeki dengan menangkap ikan serta membina rumah-rumah persinggahan.

Akhir sekali, kita harus menghargai sungai kerana terdapat pelbagai manfaat daripadanya.

**Bahagian C**
**Soalan 1**
Aku pun mengajak Syafikah menyiasat perkara yang berlaku. Kami segera menuju ke arah budak perempuan itu. Aku bertanya sebab budak itu menangis. Namun dia tidak menjawabnya kerana ketakutan.

Setelah beberapa kali memujuknya dengan pelbagai cara, akhirnya budak perempuan itu memberitahu bahawa dia kehilangan wang untuk membeli makanan. Dia menangis kerana sedih dan terasa lapar.

Aku dan rakanku mengajak budak itu mencari wangnya di dalam kelas. Setelah mencari di dalam meja dan begnya, wang tersebut gagal ditemui. Kemudian kami membawa murid tersebut bertemu dengan Ustazah Rosni iaitu guru kebajikan sekolah kami. Aku menceritakan hal yang berlaku kepada Ustazah Rosni .

Setelah beliau berpuas hati dengan penerangan aku serta pengakuan budak tersebut, beliau memberikan wang sebanyak tiga ringgit kepada budak tersebut untuk membeli makanan di kantin. Wang tersebut adalah wang tabung kebajikan murid. Budak itu tersenyum sambil mengucapkan terima kasih kepada Ustazah Rosni.

Kemudian, aku, Syafikah, dan budak perempuan itu segera menuju ke kantin untuk membeli makanan. Aku menolong budak perempuan itu membeli makanan dan minuman. Setelah itu, kami duduk di tempat yang disediakan dan makan bersama-sama. Budak perempuan itu mengucapkan terima kasih atas pertolongan kami berdua.

Setelah loceng berakhirnya waktu rehat berbunyi, kami segera menuju ke kelas masing-masing. Aku dan Syafikah berasa sangat gembira kerana kami telah berjaya membantu murid lain yang ditimpa masalah.

**Soalan 2**
Muiz : Faiz, nampaknya peperiksaan UPSR akan menjelang tidak lama lagi.
Faiz : Betul kata awak Muiz, saya berasa risau sekarang. Banyak lagi topik-topik penting belum saya kuasai. Bagaimana persediaan awak Muiz?
Muiz : Setakat ini saya banyak membuat latih tubi menjawab soalan-soalan tahun-tahun lepas. Selain itu, saya juga mengulang kaji pelajaran di rumah pada waktu petang dan malam. Saya menyediakan jadual pembelajaran sendiri di rumah.
Faiz : Rajin betul awak Muiz. Saya pula mengikuti kelas tuisyen pada hari minggu. Banyak teknik-teknik menjawab soalan saya peroleh daripada cikgu-cikgu yang berpengalaman. Pada waktu petang pula, saya banyak melayari Internet untuk mencari sumber-sumber pembelajaran.
Muiz: Wah, hebat betul persediaan awak Faiz! Bolehlah kita berkongsi bahan-bahan dan nota pembelajaran yang kita miliki.
Faiz : Bagus idea awak Muiz, Kalau begitu saya cadangkan kita wujudkan kumpulan perbincangan. Bolehlah nanti kita berbincang tentang tajuk-tajuk yang sukar kita fahami. Di samping itu, kita juga boleh bertukar-tukar nota.
Muiz: Cadangan awak sememangnya bernas Faiz. Bolehlah kita ajak Syahmi dan Hakimi bersama-sama. Pada pendapat saya, semakin ramai ahli kumpulan kita, semakin baik.
Faiz : Eh, nampaknya ayah saya sudah sampai! Esok kita bincang hal ini di sekolah.

Muiz: Baiklah, Faiz
Faiz : Saya pulang dahulu Muiz, Assalamualaikum.
Muiz : Waalaikummussalam.

## KERTAS MODEL UPSRT SET 3

**Pemahaman**
**Bahagian A**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **1** B | **2** A | **3** C | **4** A | **5** C |
| **6** D | **7** C | **8** C | **9** B | **10** A |
| **11** D | **12** C | **13** B | **14** A | **15** B |
| **16** A | **17** D | **18** C | **19** B | **20** B |

**Bahagian B**
**Soalan 21**
(a) (i) untuk (ii) di (iii) dari
(b) (i) bilah (ii) bungkus, papan
(c) Menjunjung titah, tuanku.
(d) (i) rambut di dalam tepung (ii) di bawah tempurung

**Soalan 22**
(i) ✓ (ii) ✗ (iii) ✗ (iv) ✗ (v) ✓

**Soalan 23**
(i) hingga (ii) hendak (iii) dengan (iv) demi

**Soalan 24**
(a) (i) pembungkusan
(ii) pemeriksaan kualiti
(b) Asam keping perlu melalui proses pemeriksaan kualiti bagi mengenal pasti kesesuaian tahap kering asam keping untuk dipasarkan.
(c) Pada pendapat saya, pengusaha asam keping perlu lebih proaktif dan berdaya saing dalam memasarkan asam keping ke peringkat global untuk memajukan perusahaan mereka.

**Soalan 25**
(a) (i) mengumpul dan mengasingkan bahan kitar semula
(ii) memotong rumput
(b) Bagai aur dengan tebing

**Penulisan**
**Bahagian A**
1 Gambar menunjukkan sambutan hari kantin sekolah.
2 Beberapa murid lelaki dan perempuan sedang membeli makanan dan minuman di gerai makanan dan minuman.
3 Beberapa murid lelaki sedang bermain permainan tradisional gasing, guli dan sepak takraw di padang sambil disaksikan murid lelaki lain.
4 Beberapa murid perempuan sedang duduk bermain permainan tradisional congkak dan batu seremban di bawah khemah.
5 Seorang murid perempuan menerima hamper di atas pentas.

**Bahagian B**
Poster tersebut menunjukkan maklumat pesta buah-buahan tempatan.

Pesta buah-buahan tempatan berlangsung pada 16–27 Ogos 2021 di Laman Tiba 1, MAEPS, Serdang. Pesta buah-buahan tempatan berlangsung pada pukul 8.00 pagi hingga 10.00 malam.

Tiada bayaran akan dikenakan untuk mengunjungi pesta buah-buahan tempatan. Orang ramai dijemput hadir dan menikmati buah-buahan tempatan. Terdapat juga gerai menjual air yang dihasilkan daripada buah-buahan tempatan. Selain itu, para pengunjung berkesempatan menyertai cabutan bertuah. Pesta buah-buahan juga dimeriahkan dengan persembahan artis jemputan.

Kesimpulannya, pengunjung berkesempatan merasa dan mengenali buah-buahan tempatan.

**Bahagian C**
**Soalan 1**
Aku merupakan anak tunggal dalam keluarga. Oleh sebab itu, aku sentiasa dimanjakan dan ditatang bagai menatang minyak yang penuh oleh ayah dan ibu.

Ayahku cuma seorang petani. Oleh itu, ibu juga terpaksa bekerja untuk menampung kehidupan kami. Meskipun hidup serba kekurangan, namun semua kehendakku sering dituruti oleh ayah dan ibu. Jika tidak, aku pasti akan merajuk dan menangis.

Suatu hari, aku meminta ayah membelikan aku sebuah komputer riba. Aku ingin mempunyai komputer sendiri. Pada mulanya, ayah tidak bersetuju kerana ayah tidak mempunyai wang yang cukup. Aku terus masuk ke bilik dan merajuk.

Ayah dan ibu terpaksa menurutkan sahaja kehendak aku. Ayah dan ibu mula bekerja lebih masa bagi mengumpul wang. Aku langsung tidak mempedulikan penat lelah kedua-dua ayah dan ibuku.

Beberapa hari kemudian, aku dapati ibuku tidak pergi bekerja dan hanya terbaring di atas katil. Aku melihat wajah ibuku pucat dan tidak bermaya. Badan ibuku panas. Rupa-rupanya ibuku jatuh sakit. Ayah membawa ibuku ke hospital. Doktor memberitahu aku dan ayahku bahawa ibu sakit kerana kurang rehat dan tekanan bekerja.

Aku berasa sedih kerana membiarkan ayah dan ibuku bekerja keras. Sejak hari itu, aku sering membantu ibuku membuat kerja-kerja rumah. Aku tidak akan malas lagi.

**Soalan 2**
Setiap orang mempunyai tanggungjawab masing-masing. Murid-murid juga mempunyai tanggungjawab yang tersendiri.

Tanggungjawab seorang murid adalah untuk belajar. Sebagai seorang murid, kita haruslah berusaha menuntut ilmu sehingga akhir hayat. Menuntut ilmu ini bukan setakat di sekolah, malahan di mana-mana sahaja.

Selain itu, seorang murid wajib menghormati gurunya. Ini juga merupakan tanggungjawab murid terhadap gurunya sebagai orang yang mendidik mereka di sekolah. Menghormati guru bermaksud menghargai jasa dan pengorbanan guru.

Sebagai seorang murid, kita haruslah menyiapkan kerja sekolah atau tugasan yang diberi oleh guru dengan ikhlas. Murid bertanggungjawab memastikan tugasan itu dapat diselesaikan dalam masa yang telah ditetapkan.

Di samping itu juga, murid-murid perlu bertanggungjawab menjaga peralatan belajar mereka. Hal ini untuk memastikan urusan pembelajaran mereka sempurna dan berjalan lancar. Menjaga kebersihan bilik darjah dan sekolah juga sebahagian daripada tanggungjawab seorang murid.

Kesimpulannya, setiap murid hendaklah menjalankan tanggungjawab mereka demi memajukan diri mereka sendiri. Jadikan tanggungjawab itu sebagai satu amanat yang perlu dilaksanakan.


©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.